

04 DEC 1997

MALAYSIA BELUM ADA RANCANGAN BELI KAPAL SELAM, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia belum mempunyai rancangan untuk membeli kapal selam kerana buat masa ini negara belum memerlukannya.

Bagaimanapun Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan Malaysia akan membeli kapal selam pada masa akan datang.

Beliau berkata demikian selepas melawat pameran kapal selam sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97 di Jeti Tanjung Malai.

Empat buah kapal selam masing-masing sebuah dari Rusia, Perancis, Pakistan dan Turki menyertai pameran yang disifatkan sebagai antara yang terbesar di dunia itu.

Semasa menjawab soalan seorang wartawan dari Rusia, Dr Mahathir berkata: "Kami akan menilai kapal selam Rusia apabila kami mahu membelinya nanti."

Semasa lawatannya itu, Dr Mahathir masuk melawat ke dalam kapal selam Rusia, Kiloclass.

Sebelum itu, Perdana Menteri menepung tawar sebuah kapal pelancongan jenis catamaran -- Superstar Express Langkawi -- dan mengumumkan Tropi Perdana Menteri Malaysia bagi perlumbaan terpantas mengelilingi dunia melalui laut.

Superstar Express Langkawi akan cuba membuat rekod baru dunia 48 hari tahun depan bagi mengatasi rekod yang dibuat oleh kapal selam Amerika, USS Triton selama 83 hari pada 1960. -- BERNAMA

MOK SJA NMO